

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 14 Julai 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA
MEI 2021**

**Pengeluaran getah asli
meningkat 22.4 peratus pada Mei 2021**

PUTRAJAYA, 14 Julai 2021 – Pengeluaran getah asli meningkat kepada 22.4 peratus pada Mei 2021 kepada 28,164 tan metrik berbanding 23,013 tan metrik pada April 2021. Perbandingan bagi tahun ke tahun turut meningkat kepada 33.8 peratus. Perangkaan ini disusun berdasarkan Banci Getah Bulanan bagi bulan rujukan Mei 2021.

Mengulas kepada laporan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan, “Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli iaitu 25,662 tan metrik (91.1%) manakala sektor estet menyumbang 8.9 peratus daripada jumlah pengeluaran pada Mei 2021. Pengeluaran bulan ke bulan di sektor kebun kecil dan sektor estet masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 24.7 peratus dan 3.0 peratus”.

Pengeluaran estet pada Mei 2021 adalah sebanyak 2,502 tan metrik dengan kadar pertumbuhan yang perlahan iaitu 3.0 peratus secara bulanan dengan keluasan ditoreh menyusut sebanyak 0.7 peratus. Produktiviti pengeluaran getah asli di estet adalah 56.3 kilogram sehektar pada Mei 2021, menurun sebanyak 24.7 peratus berbanding Mei 2020. Manakala, perbandingan bulan ke bulan pula menunjukkan produktiviti meningkat sebanyak 3.7 peratus dari 54.3 kilogram sehektar pada bulan sebelumnya.

Dari segi harga purata, Lateks Pekat merekodkan peningkatan kepada 636.76 sen sekilogram berbanding April 2021 (623.40 sen sekilogram). Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) turut menunjukkan peningkatan daripada 667.85 sen sekilogram kepada 686.09 sen sekilogram bagi tempoh yang sama.

Stok getah asli menurun 6.4 peratus pada Mei 2021 kepada 242,194 tan metrik berbanding 258,840 tan metrik pada April 2021. Stok di kilang pemproses getah menyumbang sebanyak 90.0 peratus dan selebihnya oleh kilang pengguna getah dan estet getah.


Jumlah penggunaan getah asli meningkat 4.1 peratus kepada 42,358 tan metrik berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan penggunaan menurun sebanyak 10.0 peratus.

Penggunaan getah asli bagi sarung tangan getah adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 32,573 tan metrik atau 76.9 peratus daripada jumlah penggunaan domestik pada Mei 2021 diikuti benang getah 4,092 tan metrik (9.7%) dan tayar & tiub 2,267 tan metrik (5.4%). Penggunaan getah asli dalam pembuatan sarung tangan getah pada Mei 2021 pula menurun sebanyak 6.2 peratus berbanding 34,709 tan metrik pada April 2021.

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,111 tan metrik pada Mei 2021, menurun 13.6 peratus berbanding 55,696 tan metrik pada April 2021. China kekal sebagai destinasi utama eksport getah asli iaitu 54.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2021 diikuti Jerman (4.1%), Amerika Syarikat (3.1%), Turki (2.8%) dan Korea (1.6%).

“Sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM5.5 billion pada Mei 2021, menurun sebanyak 17.4 peratus berbanding April 2021 (RM6.7 billion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah Amerika Syarikat dengan nilai RM2.0 billion, Jerman (RM317.0 juta) dan India (RM154.8 juta),” kata Ketua Perangkawan Malaysia.

Pengeluaran, eksport, import, penggunaan domestik dan stok bulanan bagi getah asli 2020-2021



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 JULAI 2021**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, July 14th 2021



MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
MAY 2021

Natural rubber production
increased 22.4 per cent in May 2021

PUTRAJAYA, July 14, 2021 – Production of natural rubber increased to 22.4 per cent in May 2021 to 28,164 tonnes as compared to 23,013 tonnes in April 2021. Year-on-year comparison also showed an increase of 33.8 per cent. This statistics was compile based on Monthly Rubber Census for the reference month of May 2021.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Smallholdings sector was the main contributor to the natural rubber production at 25,662 tonnes (91.1%) while the estate sector accounted for 8.9 per cent of total production in May 2021. Month-on-month production of smallholdings sector and the estate sector showed an increase of 24.7 per cent and 3.0 per cent respectively”.

Estate production in May 2021 was 2,502 tonnes with a slower growth rate of 3.0 per cent monthly basis with tapped area declined by 0.7 per cent. Productivity of natural rubber production in the estates was 56.3 kilogramme per hectare in May 2021, decreased by 24.7 per cent as compared to May 2020. Meanwhile, month-on-month comparison showed the productivity increased by 3.7 per cent from 54.3 kilogramme per hectare from the previous month.

In view of average price, Latex Concentrate recorded an increase to 636.76 sen per kilogramme as compared to April 2021 (623.40 sen per kilogramme). Standard Malaysian Rubber 20 (S.M.R. 20) also increased from 667.85 sen per kilogramme to 686.09 sen per

kilogramme for the same period.

The stocks of natural rubber decreased 6.4 per cent in May 2021 to 242,194 tonnes as compared to 258,840 tonnes in April 2021. Stocks in rubber processors contributed 90.0 per cent and the remaining are rubber consumers and rubber estates.


Total domestic consumption for natural rubber increased 4.1 per cent to 42,358 tonnes as compared to the same month last year. On the contrary, month-on-month consumption dropped by 10.0 per cent.

The use of natural rubber for rubber gloves was the highest with 32,573 tonnes or 76.9 per cent of the total domestic consumption in May 2021, followed by rubber thread 4,092 tonnes (9.7%) and tyres & tube 2,267 tonnes (5.4%). The use of natural rubber for rubber glove manufacturing in May 2021 decreased by 6.2 per cent as compared to 34,709 tonnes in April 2021.

Exports of Malaysia's natural rubber amounted 48,111 tonnes in May 2021, a decrease of 13.6 per cent as against 55,696 tonnes in April 2021. The P.R. China remain as the main destination for natural rubber exports with a share of 54.3 per cent from total exports in May 2021 followed by Germany (4.1%), U.S.A (3.1%), Turkey (2.8%) and Korea (1.6%).

"Rubber gloves was the main export with a value of RM5.5 billion in May 2021, a decrease of 17.4 per cent as compared to April 2021 (RM6.7 billion). The main exporting countries for rubber gloves are U.S.A with a value of RM2.0 billion, Germany (RM317.0 million) and India (RM154.8 million)," said Chief Statistician of Malaysia.

Monthly production, exports, imports, domestic consumption and stocks of natural rubber 2020-2021



The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
14 JULY 2021**